

Lelaki didenda RM3,000 kerana salah guna dadah

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM3,000 atau 10 bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Majistret Long Hui Chuan turut memerintahkan Yusman Bakar, 42, untuk menjalani pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama dua tahun selesai menjalani hukuman.

Tertuduh yang tidak

diwakili peguam, didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan,

tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching pada 25 Ogos 2023, sekitar jam 11.55 pagi.

Dia disahkan positif Methamphetamine dan Amphetamine yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani.